

NIPPON PROVIDES EMPLOYMENT OPPORTUNITIES FOR WINNERS

PEMENANG
anugerah
Pereka Muda
Nippon Paint
2009 merai-
kan kejayaan
mereka
pada majlis
penyampai-
an hadiah di
Petaling Jaya
baru-baru ini.



Nippon tawar pekerja kepada pemenang anugerah

PETALING JAYA – Pereka dalaman dan arkitek muda dan berbakat dari seluruh negara membuktikan mereka berpotensi besar dan mempunyai masa depan yang cerah, dengan pengumuman pemenang Anugerah Pereka Muda Nippon Paint 2009 oleh Nippon Paint (Malaysia) Sdn. Bhd. (Nippon Paint Malaysia) baru-baru ini.

Tony Tan Yong Maun dari Kolej Pratique Asia muncul sebagai pemenang anugerah emas dalam kategori reka bentuk dalaman, manakala Soo Wei Son, dari Institut Seni Lukis Malaysia memenangi anugerah perak.

Dalam kategori Seni Bina, anugerah emas dimenangi oleh Ong Tien Yee dari Universiti Kebangsaan Malaysia, manakala Ahmad Faliq Mohd. Saparudin dari Politeknik Un-

gku Omar, Ipoh membawa pulang anugerah perak.

Anugerah Pereka Muda Nippon Paint 2009 menerima idea projek yang inovatif dan serba moden daripada lebih 124 pelajar dari 18 institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Pemenang anugerah emas masing-masing menerima piala khas, biasiswa tunai RM3,000 dan komputer meja, manakala pemenang anugerah perak bagi setiap kategori menerima RM2,000 dalam bentuk biasiswa tunai.

Peserta yang menerima pengiktirafan kehormat dalam kedua-dua kategori menerima biasiswa tunai RM1,000. Sementara itu, empat pemenang utama masing-masing diberi peluang bekerja dengan firma Reka Bentuk Dalaman/Arkitek yang terkemuka.